☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia

Tarikh: 25/4/2012
Hari: RABU M/S: 26
Ruangan: KEL KAMPUS / UTARA

UUM hargai warga media Kedah

KUBANG PASU 24 April - Hubungan akrab antara sesebuah organisasi dengan warga media perlu disuburkan dari semasa ke semasa kerana ia penting dalam usaha menghebahkan maklumat selain membantu meningkatkan imej dan membina reputasi yang disegani.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, sehubungan itu universiti berkenaan amat menghargai peranan media dalam menyalurkan maklumat mengenai aktiviti dan kegiatan UUM kepada masyarakat.

"Semua media adalah penting dan merupakan rakan UUM. Kami berterima kasih atas sumbangan yang diberikan oleh pihak media kepada universiti ini ketika membuat liputan, memberikan publisiti dan promosi dalam pelbagai aktiviti serta agenda yang kita lakukan.

"Saya harap hubungan baik ini dapat diteruskan. Tanpa media kita tidak mungkin boleh berkomunikasi kerana media yang membawanya untuk dipapar dan dihebahkan kepada umum," katanya pada Majlis Makan Malam Hari Keluarga Kelab Media Elit Kedah (KMEK) di EDC-UUM, Sintok di sini baru-baru ini.